

05 JAN 2000

Khalil-Pertandingan

PERTANDINGAN JAWATAN NAIB PRESIDEN PERKARA BIASA, KATA KHALIL

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata pertandingan jawatan naib presiden yang dijangka sengit pada perhimpunan agung parti Mei ini, adalah satu perkara biasa.

"Keluarkan jawatan presiden dan timbalan presiden dan bahang pertandingan tidak akan terasa," katanya ketika ditanya sama ada pertandingan jawatan naib-naib presiden akan memberi kesan serius kepada parti.

Khalil berkata anggota Umno juga tahu mereka yang akan bertanding jawatan naib presiden itu dan ini dapat meredakan keadaan.

Antara mereka yang menyatakan minat untuk bertanding jawatan itu ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Rais Yatim dan Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim.

Pada Isnin lepas, Majlis Tertinggi Umno sebulat suara mencadangkan supaya pencalonan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden parti dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden tidak dipertandingkan pada pemilihan itu.

Pada masa ini, Abdullah yang juga naib presiden parti menjalankan tugas-tugas timbalan presiden.

Khalil berkata beliau yakin tidak ada pencalonan lain bagi jawatan tertinggi itu memandangkan semua bahagian dijangka menyokong keputusan itu sebagai tanda permuafakatan dan perpaduan dalam parti.

"Pertandingan sengit akan memecahkan parti. Kini, sudah ada satu persetujuan pada peringkat tertinggi dan ia perlu disampaikan kepada peringkat bawah hingga ke peringkat akar ummi," katanya.

Beliau berkata maklum balas terhadap keputusan itu sangat menggalakkan setakat ini.

Ditanya sama ada tindakan akan diambil jika terdapat pencalonan lain, Khalil berkata parti akan memberi maklum balas apabila tiba masanya.

Beliau berkata adalah penting sekarang untuk mengelakkan sebarang tanda perpecahan, terutamanya dengan anggapa bahawa sokongan untuk Umno semakin berkurangan dan terdapat keperluan segera untuk menunjukkan bahawa parti masih tetap utuh.

Khalil berkata beliau yakin anggota parti akan mematuhi keputusan itu memandangkan masa yang mencukupi untuk berbuat demikian.

Menurutnya cawangan-cawangan diberikan masa enam minggu mulai 16 Jan untuk mengadakan mesyuarat mereka manakala bahagian mempunyai masa sebulan mulai Mac untuk berbuat demikian.

Khalil berkata tumpuan kini nampaknya lebih kepada pemilihan parti dan beliau mengingatkan semua anggota supaya turut memberi perhatian kepada post mortem mengenai pilihan raya umum yang lepas.

"Mereka adalah di peringkat akar umbi, mereka sepatut mengkaji trend pengundian di tempat mereka, lihat kekuatan kita di peringkat akar umbi, sama ada golongan muda menyertai kita dan jika angin perubahan adalah hanya sementara," katanya.

Khalil berkata ketua-ketua bahagian telah diarahkan menghadiri seberapa banyak mungkin mesyuarat cawangan bagi menjelaskan nasihat Majlis Tertinggi serta mendapatkan maklum balas mengenai prestasi parti pada pilihan raya umum.

Ditanya jika terdapat sebarang rancangan untuk melarang calon-calon daripada merasmi atau menghadiri mesyuarat bahagian di luar kawasan mereka,

beliau berkata belum ada peraturan mengenainya setakat ini.

"Kita akan lihat keadaan pertandingan dahulu. Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti akan memantau mesyuarat-mesyuarat cawangan sebelum membuat sebarang keputusan," katanya.

-- BERNAMA

AR NAK